

# **Presidensi Utama Mengumumkan Perubahan pada Persidangan Umum**

**Sesi petang Sabtu akan dihentikan; kehadiran secara langsung untuk persidangan  
Oktober 2021 tidak akan tersedia**

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Presidensi Utama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah mengumumkan perubahan pada persidangan umum Gereja yang akan datang, yang diadakan setiap bulan April dan Oktober.

Bermula pada persidangan umum Oktober dan berlanjutan selepas itu, sesi petang Hari Sabtu akan dihentikan. Sebelum ini, sesi petang Hari Sabtu diadakan untuk para wanita (pada bulan Oktober) dan pemegang imamat (pada bulan April). Perubahan ini dilakukan kerana semua sesi persidangan umum kini tersedia untuk sesiapa sahaja yang ingin menonton atau mendengar.

Untuk [Persidangan Umum Oktober 2021](#) (yang akan diadakan pada 2-3 Oktober), acara persidangan akan bermula dari auditorium Pusat Persidangan di Salt Lake City. Sekali lagi, Pusat Persidangan akan ditutup untuk orang ramai.

Persidangan umum adalah peluang bagi ahli Gereja dan rakan-rakan di seluruh dunia untuk menerima pesanan mengenai Juruselamat Yesus Kristus daripada para nabi dan rasul hidup melalui teknologi yang terus berkembang.